

## Tiada sekatan dakwah tulin

BANYAK saranan telah dibuat bagi membentasi perkembangan ajaran sesat sejak peristiwa berdarah serangan ke atas balai polis Batu Pahat oleh kumpulan pengganas "Nur Zaman" 16 Oktober lalu. Beberapa daripadanya telah pun dilaksanakan, seperti pengawasan terhadap kegiatan semua kumpulan dakwah, penubuhan sebuah jawatankuasa khas menyiasat ajaran sesat di seluruh negara oleh Majlis Hal Ehwal Agama Islam di Jabatan Perdana Menteri, dan proses pengharaman buku-buku mengenai Islam dari Eropah yang diterjemahkan ke Bahasa Melayu dan mengandungi ajaran-ajaran yang menyeleweng. Kejutan akibat peristiwa itu juga ternyata telah menyedarkan orang-ramai sendiri untuk lebih berwaspada.

Bagaimanapun, arahan supaya semua kegiatan dakwah diawasi sedikit sebanyak telah menimbulkan kekeliruan. Arahan ini juga ternyata telah dipergunakan oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab dengan halusinya bagi menuduh Kerajaan sengaja mencari jalan untuk menyekat perkembangan dan kegiatan dakwah. Kerana itu kenyataan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmari adalah bertepatan dengan waktunya. Beliau berkata bahawa sebagai agama rasmi negara dakwah Islamiah mestilah disebarkan secara terbuka tanpa sekatan, berlawanan dengan ajaran sesat yang menjalankan kegiatan secara tersembunyi.

Dari kenyataan ini saja sepatutnya orang-ramai boleh mendapat panduan yang mencukupi untuk membezakan ajaran sesat dengan dakwah tulin — yang sesat disampaikan secara bersembunyi-sembunyi sementara dakwah tulin secara terbuka. Kerana itu para pendakwah tulin serta orang-ramai tidak perlu bimbang dengan arahan mengawasi kegiatan dakwah itu. Sekiranya mereka melibatkan diri dengan dakwah tulin, dengan syarat-syarat sah di bawah undang-undang pentadbiran agama seperti taullah guru yang mengajar, tidak siapa pun yang boleh menyekat mereka. Mereka hanya perlu bimbang sekiranya mereka memperalatkan agama untuk tujuan-tujuan lain, walaupun guru berkenaan mempunyai taullah.

Adalah jelas bahawa arahan begini dibuat semata-mata untuk membersihkan dakwah Islamiah daripada diresapi oleh anasir-anasir yang tidak dilingini, yang boleh memecah dan menyesatkan. Cuma dakwah tulin saja yang benar-benar boleh mencapai hasrat meninggikan syiar Islam di negara ini dan memajukan ummatnya. Penyesatan dan pemecahan cuma akan meruntuhkan kembali cita-cita ini. Kekacauan dalam dakwah juga, sekiranya dibiarkan, akan melemahkan asas pengetahuan agama generasi akan datang dan ini merupakan ancaman besar terhadap perlanjutan syiar Islam. Kerana itu adalah tanggungjawab setiap umat Islam juga memastikan dakwah Islamiah sekarang benar-benar bersih dari anasir-anasir yang boleh mencemarinya itu.